

PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL
CENTRE FOR SHAPING ADVANCED AND PROFESSIONAL EDUCATION

Rujukan : UKM.KPD.600-4/4/2
Tarikh : 10 Februari 2026

Semua Pelajar
Program Pascasiswazah
Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saudara/i,

MAKLUMAT PENTING PENDAFTARAN SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2025/2026

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa perkuliahan Semester 2 Sesi Akademik 2025/2026 akan **bermula pada 16 Mac 2026**.

Sehubungan dengan itu, disenaraikan perkara penting untuk perhatian dan tindakan pelajar seperti berikut:

PERKARA	BUTIRAN
PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2025/2026	Pelajar yang telah membuat pendaftaran awal boleh menyemak kursus yang telah didaftarkan di SMPE. Manakala bagi pelajar yang tidak membuat pendaftaran awal, boleh mendaftar kursus dalam tempoh tambah kursus bermula 16 Mac 2026 . Sila rujuk tarikh-tarikh penting di web UKMShape sebagai panduan.
CAJ LEWAT MENDAFTAR	Bagi pelajar yang masih tidak membuat pendaftaran selepas tempoh tambah kursus tamat akan dikenakan caj sebanyak RM50 seperti yang terdapat di dalam Peraturan Am Kewangan UKMShape.
DIBERHENTIKAN SEBAB TIDAK MENDAFTAR	Pelajar akan diberikan status "DIBERHENTIKAN SEBAB TIDAK MENDAFTAR" jika tidak membuat pendaftaran sehingga selewat-lewatnya pada 3 Mei 2026 .



Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8927 2111/2114 E-mel: upprpshape@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ukmshape

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my

JADUAL PERKULIAHAN	Jadual perkuliahan akan dipaparkan di laman web UKMShape selewat-lewatnya seminggu sebelum sesi perkuliahan bermula . Pelajar juga dinasihatkan sentiasa menyemak jadual kuliah untuk makluman terkini.
PEMBAYARAN YURAN	Pelajar hendaklah menjelaskan SEMUA YURAN TERTUNGGAK DAN SEMASA. Pembayaran yuran semester semasa hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya 40% daripada yuran semester semasa sebelum atau pada 1 Mac 2026. Pelajar yang mempunyai hutang tertunggak tidak akan dibenarkan untuk mendaftar. Pelajar yang mempunyai penaja, mohon serahkan surat kelulusan tajaan kepada Bahagian Kewangan UKMShape jika belum berbuat demikian. Semakan status kewangan pelajar boleh disemak di laman web portal kewangan UKM di https://ekewangan.ukm.my
BIODATA PELAJAR DI SMPE	Pelajar adalah bertanggungjawab untuk mengemaskini maklumat pelajar di SMPE pada setiap semester sekiranya terdapat perubahan.

Sila abaikan makluman ini jika saudara/i telah menamatkan pengajian pada Semester 1 Sesi Akademik 2025/2026.

Sekian, untuk makluman dan perhatian saudara/i. Terima kasih.



Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8927 2111/2145 E-mel: upprpshape@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ukmshape

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my

Yang benar,



DR. KAMARUL BARAINI BINTI KELIWON

Timbalan Pengarah I

Akademik dan Pengembangan Program

- s.k. -
- Penyelaras Program
 - Ketua Bahagian Pentadbiran, UKMShape
 - Ketua Unit Pengurusan Program & Rekod Pelajar, UKMShape
 - Ketua Bahagian Kewangan, UKMShape



Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8927 2111/2145 E-mel: upprpshape@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ukmshape

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my